

24 JUL 2003

M'sia-Dasar/I

KL AKAN DOKONG DASAR TIDAK CAMPUR TANGAN

SINGAPURA, 24 Julai (Bernama) -- Malaysia mendokong dasar tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara-negara anggota Asean, konsep yang berjaya dilaksanakan di rantau itu selama ini, kata Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Mohd Shafie Apdal.

Namun pada masa yang sama, Malaysia menyambut baik usaha baru-baru ini oleh negara tertentu untuk bersikap telus mengenai masalah dalaman mereka, katanya dalam ucap tama pada forum keselamatan serantau di sini hari ini.

Pada mesyuarat peringkat menteri Asean di Kemboja baru-baru ini, Myanmar dan Indonesia, katanya melakukan perkara yang belum pernah berlaku sebelum ini dengan masing-masing memberi taklimat mengenai situasi di Yangon dan Aceh.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, Mohd Shafie berkata bagi kes Myanmar, Malaysia sentiasa mengekalkan dasar terbabit dan pemecatannya daripada Asean, seperti yang ditegaskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, merupakan pilihan terakhir.

Dr Mahathir, katanya dilaporkan berkata kerajaan Myanmar perlu mengambil tindakan tegas bagi mengekalkan keamanan di rantau itu, jika tidak, ketegangan akan merebak ke bahagian lain dalam Asean.

"Kami akan memastikan negara anggota baru Asean seperti Myanmar mematuhi nasihat," kata Mohd Shafie.

Dr Mahathir baru-baru ini berkata Myanmar mungkin disingkirkan daripada Asean jika mereka enggan membebaskan pemimpin prodemokrasi Aung San Suu Kyi, tetapi menegaskan penyingkiran Myanmar daripada kumpulan itu hanya boleh diambil sebagai langkah terakhir.

Mengenai sama ada sekatan ekonomu wajar dikenakan terhadap kerajaan Myanmar, beliau berkata ia juga, boleh diambil sebagai langkah terakhir.

"Jika ia (sekatan ekonomi) merupakan cara yang dapat menyelesaikan masalah, mengapa tidak, jika ia menjurus kepada kejayaan," kata Mohd Shafie.

Bagaimanapun beliau mengingatkan: "Jika kita terus melaksanakan sekatan, dan tidak ada kejayaan, seperti yang dilakukan oleh Amerika Syarikat ke atas Iraq, kerajaan dan rakyat yang menderita".

Beliau berkata cara untuk menyelesaikan isu itu mestilah secara aman, seperti delegasi yang dihantar oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Sambil menekankan bahawa tidak campur tangan merupakan "aturan yang sudah membuahkan hasil", beliau berkata: "Kita tidak suka bercakap mengenai bagaimana Singapura mentadbir negaranya, sebagai contoh."

"Namun, jika masalah di negara anggota boleh mengancam keseluruhan rantau ini, maka saya kira, ada sebab untuk itu (campur tangan), tetapi mesti ada penyelesaian kepadanya."

"Sebelum kita benarkan Myanmar menjadi sebahagian daripada Asean, ada usaha untuk merapatkan kedua-dua pihak dan memastikan mereka menerimanya pada tahap tertentu... dan mereka bersetuju dan wujudlah perdamaian... dan itu sebab kita menerima mereka... Saya tidak nampak mengapa ia tidak boleh dicapai, jika kedua-dua pihak bersikap terbuka."

Dalam ucapannya, Mohd Shafie berkata ada cakap-cakap mengenai Malaysia akan diminta untuk mengetuai pasukan pemerhati bagi memantau perdamaian di Selatan Filipina.

"Jika ada permohonan rasmi, kita akan menimbangkannya, dalam kerjasama semangat Asean. Jika menjadi kenyataan, mari doakan kejayaan misi ini, kerana ia merupakan asas untuk hubungan konstruktif masa depan Asean,"

katanya.

Pada sesi soal jawab, Mohd Shafie berkata rundingan damai diadakan dengan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) di Kuala Lumpur dua tahun lepas bagi menyelesaikan masalah di selatan Filipina.

Berdasarkan hubungan kerja yang kukuh antara Malaysia dan kerajaan Filipina, beliau berkata Filipina meminta Malaysia memainkan peranan sebagai pemerhati dalam rundingannya dengan Abu Sayyaf.

Ditanya mengenai dasar tidak campur tangan Malaysia dalam hal ehwal monoriti Islam di negara lain, beliau berkata seboleh-bolehnya seperti pada masa lepas kerajaan hanya "memberi pendapat, dan bukan membuat perbahasan terbuka," bagi membantu kerajaan-kerajaan yang terlibat menyelesaikan isu terbabit.

Bagaimanapun beliau berkata: "Sebagai orang Islam, kita perlu melindungi umat Islam lain jika ia menyentuh mengenai agama, namun ini pun, mesti dilakukan menerusi perdamaian, dan bukan tindakan keganasan.

Dalam ucapannya Mohd shafie berkata Malaysia secara konsisten mengutuk "semua perbuatan, kaedah dan amalan keganasan kerana tindakan jenayah yang tidak wajar, tanpa mengira motif, dalam semua bentuk dan manifestasi mereka, terutama yang mengancam keamanan dan keselamatan antarabangsa."

"Pendirian Malaysia ialah keganasan tidak wajar dikaitkan dengan mana-mana kaum atau agama, khususnya Islam. Keganasan tidak memilih warna atau muka."

Islam dan orang Islam katanya, terus menerus dikaitkan dengan pegganas dan keganasan.

"Ini mungkin akibat aktiviti keganasan yang dilakukan oleh umat Islam atas nama jihad. Tetapi Islam adalah agama keamanan dan menentang perbuatan membunuh orang yang tidak berdosa," katanya.

Malaysia, katanya yakin cara menangani keganasan secara berkesan adalah menerusi pemahaman dan mengenal pasti puncanya.

"Kita jangan lupa, "perang yang lain"... perang untuk memenangi hati dan minda rakyat, bagi mengurangkan sokongan untuk perbuatan ganas," katanya.

-- BERNAMA

SS LAT